

Banjir Terengganu kian pulih

Kuala Lumpur: Keadaan banjir di Terengganu menunjukkan pemulihan semalam dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan mencatat penurunan.

Jumlah mangsa banjir di 25 pusat pemindahan banjir di negeri itu menurun kepada 1,009 orang berbanding berbanding 1,466 kelmarin.

Menurut portal banjir negeri, empat daerah terbabit dengan banjir ialah Besut, Setiu, Hulu Terengganu dan Kemaman.

Besut mencatat jumlah mangsa paling ramai iaitu 757 orang, diikuti Setiu (114), Hulu Terengganu (105) dan Kemaman (33) daripada 258 keluarga.

Besut membuka 15 pusat pemindahan banjir dan diikuti, Setiu (lima) Hulu Terengganu (empat) dan Kemaman (satu).

Korban banjir kekal enam orang di Terengganu.

Di Kelantan, jumlah mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan di jajahan Pasir Puteh kekal 35 daripada 10 keluarga.

Menurut portal banjir negeri itu, 20 orang dari enam keluarga ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil dan 15 daripada empat keluarga di Sekolah Kebangsaan Bukit Awang, Pasir Puteh.

Seramai 17 orang daripada empat keluarga dari jajahan Kota Bharu yang dipindahkan malam kelmarin, masih ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong.

BERNAMA

FAKTA NOMBOR

757
mangsa

banjir **paling ramai**
di Besut